

## GAYA KEIBUBAAPAN DAN NEUROTIK DALAM KALANGAN REMAJA

Samsiah Mohd Jais, Nurul Hidayu Mohammad, Aisyah Mohammad, Mohd Nasir Bistamam

*Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak*

### **Abstrak**

Kertas kerja ini melaporkan hasil kajian hubungan antara gaya keibubapaan dengan neurotik dalam kalangan remaja. Kajian menggunakan sampel pelajar tingkatan dua dan empat kerana pelajar kedua-dua tingkatan ini tergolong dalam kategori remaja. Kajian ini adalah kajian tinjauan yang menggunakan kaedah korelasi. Bilangan sampel adalah seramai 118 orang pelajar yang terdiri daripada 59 orang pelajar lelaki dan 59 orang pelajar perempuan yang dipilih secara rawak mudah. Penyelidik menentukan saiz sampel berdasarkan Jadual Penentuan Sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970). Kaedah kajian yang digunakan adalah menggunakan Korelasi Pearson dan Ujian-t. Kajian menggunakan instrumen borang soal selidik yang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A merangkumi aspek maklumat diri pelajar, Bahagian B menggunakan soal selidik Parental Authority Questionnaire (PAQ) dan Bahagian C merupakan Inventori Personaliti Eysenck Junior (JEPI). Hasil dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara ketiga-tiga gaya keibubapaan dengan neurotik. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara ketiga-tiga gaya keibubapaan berdasarkan gender. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan yang signifikan neurotik pelajar berdasarkan jantina. Melalui keputusan yang diperolehi, beberapa implikasi dan cadangan turut dibincangkan.

**Kata kunci** gaya keibubapaan, neurotisme, remaja, personaliti, keluarga

### *Abstract*

*This paper reports the results of a study of relationship between parenting style and neurotic among teenagers. This study used a sample of form two and four students as*

*both of these levels are in the category of teenagers. This study is a survey research using correlation methods. The numbers of samples were 118 students which consist of 59 male students and 59 female students that were selected randomly. Researchers determine the sample size in accordance with samples determination schedule by Krejcie and Morgan (1970). The method used in this study is Pearson correlation and t-test. This study used the questionnaire instrument which is divided into three parts, namely Part A, Part B and Part C. Part A covers the personal information of students, Part B using a Parental Authority Questionnaire (PAQ) and Part C is the Junior Eysenck Personality Inventory (JEPI). Results showed that there was no significant relationship between these three parenting style and neurotic. The findings also showed that there was no difference between these three parenting styles based on gender. However there was a significant difference of neurotic students based on gender. Through these results, some implications and suggestions were discussed.*

**Keywords** Parenting style, neuroticism, adolescents, personality, family

## LATAR BELAKANG

Ibu bapa merupakan golongan yang paling rapat dengan anak-anak. Ibu bapa juga merupakan komponen penting dalam sesebuah institusi kekeluargaan (Faziha Diana, 2009). Menurut Noran Fauziah (1997), terdapat berbagai-bagai cara ibu bapa berhubung dengan anak-anak mereka, sama ada mesra dan banyak memberi kasih sayang atau dingin dan membenci, terlalu memberi perlindungan atau menyedari tentang keperluan anak untuk bebas dan berdikari. Setiap pola tingkah laku ibu bapa akan memberi kesan kepada pembentukan personaliti anak. Coopersmith (1967) mendapati sikap ibu bapa dan amalan didikan anak-anak boleh menjadi peramal kepada penghargaan sendiri kanak-kanak. Kanak-kanak yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi kerap kali mempunyai ibu bapa yang menunjukkan ciri-ciri yang positif. Antaranya menerima, menunjukkan kasih sayang dan melibatkan diri dalam kegiatan atau kehidupan anak-anak. Minat dan masalah anak-anak dianggap sebagai bermakna dan ibu bapa benar-benar menunjukkan prihatin. Di samping itu, mereka bersifat demokratik dalam interaksi dengan anak-anak. Ibu bapa ini juga menggunakan peraturan dengan cermat, konsisten dan menetapkan batasan yang jelas tentang apa yang boleh dilakukan dan apa yang tidak boleh. Mereka menggalakkan supaya kanak-kanak mengekalkan tingkah laku yang baik.

Mengikut Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif (2005), hubungan remaja dan ibu bapa mempengaruhi status identiti remaja. Tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik anak-anak belum berakhir walaupun anak-anak sudah bersekolah. Malah, tanggungjawab mereka semakin bertambah dengan bertambahnya umur anak-anak, terutamanya apabila anak-anak meningkat usia remaja. Bagi remaja pula, pada peringkat ini mereka memainkan peranan sebagai anak yang perlu menjalankan tanggungjawab

sebagai anak yang patuh kepada ibu bapa. Pada masa yang sama, mereka memperoleh autonomi dan kebebasan yang bersesuaian dengan usia mereka (Walsh & Scheinkman, 1993) dalam (Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif, 2005). Sewaktu proses ini, remaja dikatakan menstrukturkan semula sikap dan tingkah laku. Perkara ini bukan mudah. Remaja mungkin mengalami perubahan daripada segi psikologi (Goodnow, 1994) dalam (Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif, 2005). Pada peringkat ini, cara didikan ibu bapa penting bagi membentuk identiti remaja.

Dalam mengesyorkan gaya keibubapaan terbaik, Baumrind (1967) telah memperkenalkan model gaya keibubapaan yang dibahagikan kepada tiga jenis iaitu gaya autoritarian, autoritatif dan permisif. Secara ringkas, gaya keibubapaan autoritarian dicirikan oleh sikap ibu bapa yang *high demandingness* tetapi *low responsiveness* di mana ibu bapa meletakkan jangkaan tinggi terhadap anak-anak dengan mempraktikkan pendekatan kawalan, hukuman dan peraturan ketat yang tidak membenarkan anak-anak mempersoalkannya. Sebaliknya, dalam gaya keibubapaan autoritatif, ibu bapa adalah *high demandingness* dan *high responsiveness* iaitu mengamalkan ketegasan yang diimbangi dengan kesediaan mendengar pandangan anak-anak, bertoleransi, setia kawan, membantu serta mendidik secara aktif. Dalam gaya keibubapaan permisif pula, ibu bapa dicirikan oleh sikap *high responsiveness* tetapi *low demandingness* iaitu bersikap terlalu berlembut (*lenient*), memenuhi kehendak anak-anak dan tidak tradisional dengan menganggap anak-anak sebagai individu yang matang dan boleh menentukan diri sendiri sehingga tidak wujud tekanan, kawalan atau peraturan mengenai tingkah laku yang baik dan dilarang secara kukuh (Baumrind, 1991).

Neurosis pula berlaku disebabkan daripada perasaan risau yang sangat mendalam dan sakit (Noran Fauziah, 1997). Menurut beliau lagi, terdapat perhubungan anak dengan ibu bapa yang menyebabkan seseorang individu menjadi neurotik. Kekecohan rumah tangga dan ibu bapa yang sering bergaduh mendorong anak remaja lari daripada rumah untuk mendapat kedamaian dan ketenangan jiwa. Pada peringkat ini pengaruh rakan sebaya menjadi lebih ketara berbanding ibu bapa (Noraini, 1994) dalam Faziha Diana (2009). Ibu bapa masih merupakan orang terpenting mengesan pembentukan peribadi dan tingkah laku remaja selain daripada kawan-kawan, teman istimewa dan guru. Tugas ibu bapa lebih besar kerana jika tersalah didikan akan menimbulkan masalah dalam masyarakat. Keluarga yang terdiri daripada ayah, ibu dan anak hanya dapat menjadi satu kesatuan yang kuat apabila mereka mempunyai hubungan yang baik iaitu adanya keserasian dalam hubungan timbal balik antara semua pihak (Dra, Ny. Y. Singgih D. Gunars & Dr. Singgih D. Gunarsa, 1982). Menurut Horney (2009) dalam Duane, P.S & Ellen, S. (2009), terdapat tiga aliran neurotik iaitu pergerakan ke arah orang lain (personaliti suka menurut), pergerakan melawan orang lain (personaliti agresif) dan pergerakan menjauhi orang lain (personaliti terpisah). Apabila anak tidak mendapat asuhan yang sewajarnya, maka keperluan neurotik mungkin timbul.

Remaja adalah golongan yang mempunyai keistimewaan dan unik (Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif, 2005). Ibu bapa perlu memahami keistimewaan ini. Konflik timbul apabila ibu bapa tidak memahami keistimewaan remaja, sering mengkritik, mempersendakan dan menghukum mereka. Remaja akan rasa rendah diri kerana dirasakan terdapat kekurangan pada dirinya. Dalam usia remaja, mereka memerlukan kebebasan tetapi pada masa yang sama, mereka juga memerlukan perhatian, kasih sayang dan penghargaan daripada ibu bapa. Mereka mahu menentukan keputusan bagi diri sendiri. Namun, kerap kali ibu bapa tidak yakin dengan kemampuan anak remaja mereka. Ramai ibu bapa yang mengongkong dan membuat keputusan bagi pihak anak-anak (Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif, 2005). Akibatnya, pelbagai permasalahan mungkin terjadi dan salah satunya adalah menjadi individu neurotik.

Jelaslah di sini keluarga mempunyai hubungan dan memberi kesan kepada tingkah laku remaja sama ada dari segi interaksi mahu pun gaya keibubapaan yang ditonjolkan oleh ibu bapa. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk melihat gaya keibubapaan terhadap faktor neurotik pelajar sekolah menengah. Selain itu, kajian ini juga akan menjelaskan sejauh mana faktor persekitaran keluarga mempengaruhi neurotik remaja.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Keluarga adalah sebuah institusi sosial asas yang memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah dan perilaku seseorang individu (Faziha, 2009). Perkembangan pemikiran, emosi dan juga tingkah laku seseorang bermula di dalam suasana kekeluargaan sejak peringkat bayi lagi. Pembentukan moral anak-anak diperoleh melalui peniruan dari persekitaran dan ibu bapa yang dipelajarinya secara formal atau tidak formal.

Perubahan sosial yang berlaku akibat daripada globalisasi, industrialisasi, pendidikan liberal dan mobilisasi memberi cabaran besar kepada sistem keluarga pada hari ini (Ismail Baba, 2001) dalam Che Hasnizah (2006). Perubahan yang berlaku ini telah membawa perubahan terhadap peranan ibu bapa dan anak di mana akhir-akhir ini didapati bahawa anak-anak turut mempengaruhi ibu bapa dan seterusnya hubungan kekeluargaan.

Di samping itu, hubungan ibu bapa dengan anak sering kali menimbulkan masalah. Banyak konflik yang berlaku antara ibu bapa dengan remaja dalam hal seperti kerja-kerja di rumah, kerja sekolah, larangan keluar rumah, aktiviti sosial dan lain-lain lagi, (Jaafar & Azizi, 2005) dalam (Hasida, 2009). Akibat pekerjaan di luar rumah, hubungan ahli keluarga pada masa ini bersifat individualistik dan egoistik kerana mengejar kejayaan kerjaya. Kos kehidupan juga meningkat sehingga kedua-dua ibu dan bapa perlu bekerja. Oleh yang demikian, pemeliharaan dan pendidikan anak-anak telah ditolak tepi dan terabai. Hal ini menjadikan anak-anak mengalami

neurosis dalam diri seterusnya membawa kepada tingkah laku neurotik dan delinkuen. Ryckman (2004) dalam Fasiha (2009) mengatakan terdapat sembilan jenis sifat yang membentuk neurotisme iaitu bimbang, putus asa, rasa bersalah, *self-esteem* yang rendah, ketegangan, tidak rasional, malu, murung dan emosi.

Kebanyakan ibu bapa faham yang remaja sepatutnya diberi autonomi. Namun, kerap kali autonomi remaja ini dinafikan kerana sukar bagi ibu bapa menerima kenyataan ini dan mereka tidak mengetahui cara hendak mengurus remaja. Kesannya, ibu bapa menganggap remaja sebagai pemarah, sering bersikap negatif serta menimbulkan konflik dalaman dan konflik dalam hubungan keluarga (Goodnow, 1994). Konflik antara ibu bapa dan remaja mempengaruhi tingkah laku dan perkembangan mereka (Jaafar & Azizi, 2005). Contohnya, konflik keluarga mungkin menyebabkan remaja itu membuat keputusan yang tidak rasional. Antara punca utama yang menimbulkan konflik antara remaja dan ibu bapa adalah:

- Kurang kasih sayang
- Komunikasi tidak berkesan
- Perbezaan nilai
- Faktor ekonomi
- Harapan ibu bapa yang terlalu tinggi
- Faktor persekitaran

Menurut Azlina Abu Bakar (2002), dalam pandangan Horney (1997), oleh kerana ibu bapa mengamalkan nilai-nilai masyarakat, hubungan dengan anak-anak selalunya hiperkompetitif dan boleh menimbulkan masalah neurosis (perasaan tidak tenteram, terlalu bimbang tanpa sebab yang rasional). Sikap hiperkompetitif ibu bapa boleh menyebabkan masalah dalam hubungan kerana wujudnya aspek-aspek seperti kurang mesra, kurang bimbingan, bersikap tidak adil, memungkir janji dan sebagainya (Horney, 1945)

Faktor-faktor negatif ini membawa kepada masalah kemurungan iaitu melibatkan keadaan psikologi seperti perasaan terasing dan tidak berupaya berdepan dengan dunia persekitaran kepada anak-anak di mana ia diistilahkan sebagai *basic anxiety*. Mereka juga merasakan seolah-olah kebebasan dan kebahagiaan mereka telah dirampas oleh ibu bapa atau orang lain yang bertindak menguasai mereka (Azlina Abu Bakar, 2002). Terdapat kajian (Ryckman et. al, 1990) yang mendapati pelajar kolej lelaki dan wanita yang mempunyai skor yang tinggi dalam skala hiperkompetitif menunjukkan keadaan psikologi yang kurang sihat dibandingkan dengan subjek yang mempunyai hiperkompetitif yang rendah. Mereka juga didapati mempunyai rasa harga diri yang rendah, suka menerima tugas yang banyak sehingga tidak terlaksana objektif yang ingin dicapai. Individu yang hiperkompetitif biasanya membesar dalam keluarga yang diabaikan oleh ibu bapa. Akibatnya, mereka merasakan diri mereka tidak penting dan

lemah; di mana perasaan tersebut berada di bawah sadar seseorang. Untuk mengatasi perasaan *inferior* ini, mereka berkhayal menjadi orang yang berkuasa dan berjaya. Mereka menunjukkan sikap mementingkan diri untuk mendapat perhatian dan penghargaan (Azlina Abu Bakar, 2002).

Responden dalam kajian Noran Fauziah Yaakub et al. (1993) dalam Ruzlan Md.Ali & Rosna Awang Hashim (2003) mendapati beberapa faktor keluarga yang menjadi masalah kepada perkembangan mereka. Pertama, remaja mengatakan konflik keluarga merupakan faktor utama yang menjejaskan perkembangan mereka. Ibu bapa dilaporkan sebagai sering bergaduh dan bertengkar. Kedua, kemiskinan ibu bapa dikatakan sebagai faktor yang menghalang perkembangan remaja kerana ia merupakan kegagalan ibu bapa untuk memberikan keperluan asas kepada anak. Remaja di Afrika Selatan dalam kajian Jegede (1996) juga melaporkan persekitaran rumah yang bising menyumbang kepada ketidaktenteraman emosi mereka. Kurangnya perhubungan baik antara ahli-ahli keluarga merupakan faktor ketiga yang memberi kesan negatif kepada perkembangan remaja. Selain itu, ibu bapa dilaporkan sebagai kurang memberi maklumat tentang berita keluarga kepada anak yang tinggal di asrama. Penceraian antara ibu bapa juga dilihat sebagai negatif oleh responden.

Walaupun pelbagai usaha telah dan sedang dibuat untuk mengatasi masalah dalam keluarga seperti masalah penceraian, masalah sosial remaja dan sebagainya namun masih ada lagi masalah yang timbul. Hal ini mungkin disebabkan program dan tindakan menangani masalah adalah terlalu umum seperti ceramah, perjumpaan dengan ibu bapa serta nasihat yang diselitkan semasa majlis diadakan (Faziha, 2009). Selain daripada itu, tiada penilaian secara formal dibuat untuk mengukur keberkesanan sesuatu program keibubapaan. Maka penyelesaian secara efektif tidak dapat dikenal pasti.

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, dapat disimpulkan terdapat beberapa kesan neurotik kepada individu. Antaranya adalah suka menyalahkan diri sendiri. Individu yang mengalami neurotik lebih mudah meletakkan kesalahan dalam dirinya berbanding orang lain. Selain itu, mereka juga kurang yakin untuk berinteraksi dengan dunia luar. Individu neurotik lebih selesa bersendirian daripada berada di khalayak ramai. Mereka juga mudah bimbang dengan perkara yang bagi sebahagian orang adalah biasa contohnya apabila berada di ruang yang luas atau berada di tempat tinggi. Ini mungkin disebabkan pengalaman lepasnya. Individu neurotik juga kurang berkomunikasi dengan orang lain dan merasa takut pada sesetengah situasi. Di samping itu, individu neurotik juga berpotensi untuk mencederakan diri dan paling dikhuatiri adalah berpotensi untuk membunuh diri. Disebabkan individu neurotik suka meletakkan kesalahan pada diri, maka perkembangannya dari pelbagai aspek terbantut. Mereka seperti manusia normal biasa tetapi mempunyai konflik dalaman yang tinggi.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap gaya keibubapaan dan neurotik remaja. Kajian ini juga bertujuan melihat hubungan antara gaya keibubapaan dengan tahap neurotik dalam kalangan remaja. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan gaya keibubapaan dan neurotik dalam kalangan remaja berdasarkan jantina. Secara khususnya pula kajian ini adalah untuk mengenal pasti:

- i. Tahap min gaya keibubapaan authoritarian, autoritatif dan permisif
- iv. Tahap min neurotik remaja
- v. Hubungan antara min gaya keibubapaan authoritarian dengan neurotik remaja
- vi. Hubungan antara min gaya keibubapaan autoritatif dengan neurotik remaja
- vii. Hubungan antara min gaya keibubapaan permisif dengan neurotik remaja
- viii. Perbezaan min gaya keibubapaan authoritarian berdasarkan jantina remaja
- ix. Perbezaan min gaya keibubapaan autoritatif berdasarkan jantina remaja
- x. Perbezaan min gaya keibubapaan permisif berdasarkan jantina remaja
- xi. Perbezaan min neurotik berdasarkan jantina remaja.

## KAJIAN LITERATUR

Beberapa kajian lepas telah dijalankan untuk memperlihatkan pengaruh gaya keibubapaan terhadap remaja dan juga kajian mengenai faktor neurotik dalam diri remaja. Faziha (2009) dalam kajiannya menyatakan kefungsiian keluarga dapat dilihat dari aspek dimensi kejeleketan keluarga dan kebolehsuaian keluarga. Faziha telah menjalankan kajian terhadap pelajar tingkatan enam. Dalam erti kata lain, sampel kajian adalah remaja. Hasil kajian mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kejeleketan keluarga dengan tahap neurotik. Kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kebolehsuaian keluarga dengan tahap neurotik sampel remaja berkenaan. Nur Hani (2009) telah menjalankan kajian berdasarkan tret-tret *personaliti Openness, Conscientiousness, Agreeableness, Extraversion* dan *Neuroticism*. Tret-tret ini menunjukkan hubungannya dengan kebimbangan sosial dalam kalangan awal remaja. Kajian turut menunjukkan bahawa personaliti *Neuroticism* adalah berbeza antara lelaki dan perempuan. Remaja perempuan lebih mudah merasa cemas, bimbang dan lebih mudah berfikiran negatif berbanding remaja lelaki.

Hasida (2009) turut mengkaji mengenai gaya keibubapaan dan mendapati bahawa ketiga-tiga gaya keibubapaan iaitu autoritatif, authoritarian dan permisif tiada kaitan dengan kemurungan anak-anak. Namun, kajian mendapati bahawa ibu bapa yang permisif memberi layanan berbeza kepada anak-anak berdasarkan jantina. Gaya keibubapaan permisif turut mempunyai hubungan dengan penghargaan sendiri anak. Ibu bapa yang permisif akan menyebabkan anak-anak mempunyai penghargaan sendiri

yang rendah. Ini kerana ibu bapa permisif hanya memberikan kebebasan kepada anak-anak tanpa mengambil kira keinginan anak-anak mereka. Ini dinyatakan oleh Khairul Azwa (2009) dalam kajiannya ke atas hubungan gaya keibubapaan dengan delinkuen pelajar.

## **ASAS TEORITIKAL**

Terdapat dua teori yang dirujuk untuk menjelaskan tentang pemboleh ubah yang dikaji oleh pengkaji. Pengkaji telah memilih Teori Diane Baumrind yang berkaitan dengan gaya keibubapaan dan teori Karen Horney yang berkaitan dengan neurotik.

### **Teori Diane Baumrind**

Baumrind (1966, 1971) dalam Hale (2008) telah mengenal pasti tiga model gaya keibubapaan yang utama. Pertamanya adalah autoritatif, kedua adalah autoritarian dan akhir sekali permisif. Menurut Azizi, Yusof & Kamaliah (2005), ciri-ciri gaya autoritatif ialah tegas tetapi penyayang dan konsisten. Ibu bapa dalam kategori ini juga suka menerangkan sebab-sebab setiap peraturan diadakan. Mereka juga mempunyai jangkaan yang tinggi terhadap anak-anak tetapi sentiasa memberi bantuan dan sokongan.

Selain itu, ibu bapa autoritatif mengarah anak dengan cara yang rasional dan sopan. Hal ini merupakan satu pemberian lisan untuk mengekalkan koordinasi dan arah dalam sesebuah keluarga. Tambahan lagi, mereka sedia bertolak ansur mengikut keadaan dan anak-anak pula dididik dengan penuh kemesraan. Gaya keibubapaan autoritatif didapati membawa pelbagai kesan positif kepada anak-anak seperti kejayaan dalam segi perkembangannya, kejayaan dari segi persembahan akademik, peningkatan dalam segi kemampuan, autonomi dan keyakinan, orientasi penglibatan dalam kumpulan yang lebih baik dan keselarasan tahap kesihatan yang baik.

Ciri-ciri gaya autoritarian pula ialah mengarah dan mementingkan kepatuhan. Ibu bapa dalam kategori ini bersikap kurang mesra dan tidak menggalakkan perbincangan untuk mencapai persetujuan bersama (Azizi et al. 2005). Baumrind, 1996, 1971 dalam Hale (2008) mengatakan bahawa ibu bapa autoritarian mempunyai kepercayaan bahawa anak-anak seharusnya menerima peraturan dan disiplin yang telah ditetapkan oleh ibu bapa. Mereka turut menggunakan kaedah disiplin yang bersifat hukuman dan setiap keputusan yang dibuat oleh para ibu bapa tidak boleh di bantah. Kesannya hubungan akan lebih renggang di antara ibu bapa dan anak-anak serta lebih untuk tidak mempercayainya dan berpuas hati.

Baumrind (dalam Hale, 2008) menyatakan ibu bapa permisif pula memberikan kebebasan sepenuhnya kepada anak-anak mereka tanpa ada kawalan. Ibu bapa lebih kepada memenuhi keperluan anak-anak mereka. Mereka juga tidak membentuk



peraturan keluarga yang jelas dan tidak menerangkan antara tingkah laku yang baik dan sebaliknya. Mereka juga jarang mempunyai sebarang jangkaan atau tuntutan ke atas anak-anak. Kesannya, ibu bapa yang menggunakan cara gaya keibubapaan ini akan membentuk sifat kurang matang, kawalan diri, kurang tanggungjawab sosial dan kurang keyakinan diri pada anak-anak mereka.

### **Teori Karen Horney**

Pandangan Horney dalam perkembangan manusia mempunyai ciri-ciri humanistik. Menurut beliau, setiap individu adalah istimewa dan mempunyai potensi unik yang berkembang di bawah bimbingan ibu bapa. Potensi tersebut dinamakan keadaan sendiri yang sebenarnya atau *real self*. Beliau percaya dengan bimbingan, setiap orang mampu mencapai kesempurnaan sendiri. Keterasingan daripada *real self* membuatkan manusia mencari identiti dan kestabilan; yang merupakan suatu keadaan di mana seseorang merasakan dirinya penting dan berharga.

Penyelesaian kepada neurotik adalah melalui cara membina imej yang unggul (*idealized self*) dalam diri mereka. Imej ini membolehkan mereka mempunyai keyakinan bahawa mereka berupaya melakukan dan mengetahui apa sahaja. Horney menamakannya sebagai keperluan *tyranny of the shoulds*. Neurotik berpegang kepada *standard* tersebut untuk mengatasi konflik dalaman dan menghilangkan kebimbangan. Malang sekali, konsep imej yang ideal tidak berkesan. Apabila neurotik cuba mengaplikasikan konsep di atas, berlaku ketidakseimbangan antara *real self* dan *idealized self*.

Horney (1945), menerangkan oleh kerana ibu bapa mengamalkan nilai-nilai masyarakat, hubungan dengan anak-anak selalunya hiperkompetitif dan boleh menimbulkan masalah neurosis (perasaan tidak tenteram, terlalu bimbang tanpa sebab yang rasional). Sikap hiperkompetitif ibu bapa boleh menyebabkan masalah dalam hubungan kerana wujudnya aspek-aspek seperti kurang mesra, kurang bimbingan, bersikap tidak adil, memungkir janji dan sebagainya (Horney, 1945).

Faktor-faktor negatif ini membawa kepada masalah kemurungan iaitu melibatkan keadaan psikologi seperti perasaan terasing dan tidak berupaya berdepan dengan dunia persekitaran kepada anak-anak di mana ia diistilahkan sebagai *basic anxiety*. Mereka juga merasakan seolah-olah kebebasan dan kebahagiaan mereka telah dirampas oleh ibu bapa atau orang lain yang bertindak menguasai mereka (Horney, 1939).

Horney menggunakan istilah hiperkompetitif untuk merujuk kepada keperluan bersaing dan menang serta mengelakkan diri daripada kekalahan untuk mempertahankan dan meningkatkan harga diri. Ia melibatkan perasaan dan pemikiran ke arah manipulasi, agresif dan eksploitasi orang lain. Individu yang hiperkompetitif biasanya membesar dalam keluarga yang diabaikan oleh ibu bapa. Akibatnya, mereka merasakan diri mereka tidak penting dan lemah; di mana perasaan tersebut berada bawah sedar seseorang.

Untuk mengatasi perasaan *inferior* ini, mereka berkhayal menjadi orang yang berkuasa dan berjaya. Mereka menunjukkan sikap mementingkan diri untuk mendapat perhatian dan penghargaan (Horney, 1937).

Horney mengklasifikasikan kepada tiga jenis neurotik yang asas: mengalah, agresif dan mengasingkan diri.

i. Jenis mengalah.

Semua keperluan dikaitkan dengan jenis-jenis mengalah. Horney berpendapat neurotik jenis ini adalah seperti keperluan untuk disayangi, dihargai, dilindungi dan dibimbing oleh orang lain. Dengan itu, mereka akan menjadi orang yang mengalah. Mereka juga terdesak untuk memenuhi jangkauan orang untuk mendapat penghargaan. Sebarang kritikan tidak dapat diterima dan mereka akan buat apa sahaja asalkan dapat diterima kembali.

ii. Jenis mengasingkan diri.

Mereka melindungi diri dengan cara mengelak dan menjauhkan diri daripada orang lain. Mereka lebih suka bekerja dan makan bersendirian serta menganggap kehadiran orang lain hanya mengganggu. Prinsip mereka adalah jangan sekali-kali dipengaruhi oleh orang lain.

iii. Jenis agresif

Ia timbul daripada keperluan untuk mendapatkan kuasa, pangkat, pengiktirafan masyarakat, eksploitasi dan kejayaan dalam hidup. Cara mereka adalah dengan mengeksploitasi orang lain untuk mencapai matlamat dan menutup kelemahan diri serta merasakan diri mereka alah superior. Neurotik jenis ini berpegang kepada konsep Darwin iaitu: "*survival of the fittest*". Menurut Darwin hanya orang yang kuat akan terus hidup dan yang kuat menguasai yang lemah. Matlamat mereka adalah untuk dipandang kuat dan berkuasa. Untuk mencapai matlamat ini, mereka berusaha kuat dan mempunyai sikap kompetitif yang sangat tinggi. Bagi mereka, kerja hanyalah cara untuk mendapatkan status dan kekayaan.

## METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan secara korelasi. Dalam kajian ini, seramai 171 orang pelajar yang memenuhi skop kajian iaitu tingkatan dua dan empat telah dijadikan sebagai populasi kajian. Daripada jumlah tersebut, hanya terdapat sebanyak 118 orang pelajar iaitu 59 orang pelajar lelaki dan seramai 59 orang pelajar perempuan sahaja yang dipilih menjadi sampel. Pelajar tingkatan dua dan empat dipilih kerana mereka merupakan kategori yang sesuai mewakili remaja. Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini merupakan set soal selidik yang mengandungi 3 bahagian yang perlu

dijawab oleh pelajar. Soal selidik ini terdiri daripada soalan–soalan tertutup berserta ruang jawapan. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A (maklumat latar belakang responden), bahagian B (*Parental Authority Questionnaire*) dan bahagian C (Inventori Personaliti Eysenck Junior).

## DAPATAN

### Hasil Analisis Deskriptif

#### 1. Tahap min gaya keibubapaan remaja.

**Jadual 1** Tahap min gaya keibubapaan subjek kajian

Gaya Keibubapaan	Skor Min
Autoritarian	28.0
Permisif	18.7
Autoritatif	39.4

Jadual 1 menunjukkan min tahap gaya keibubapaan dalam kalangan subjek kajian. Antara ketiga-tiga gaya keibubapaan, gaya keibubapaan autoritatif menunjukkan yang paling dominan iaitu sebanyak 39.4 yang mana berada pada tahap skor yang tinggi. Gaya keibubapaan autoritarian pula adalah sebanyak 28.0% dan berada pada tahap skor sederhana. Seterusnya tahap skor min yang paling rendah adalah gaya keibubapaan permisif sebanyak 18.7%. Ini jelas menunjukkan sebahagian besar ibu bapa mengasuh anak-anak secara autoritatif.

#### 2. Tahap min neurotik remaja

**Jadual 2** Tahap min neurotik remaja

Pemboleh ubah	Min
Neurotik	36.8

Jadual 2 menunjukkan skor bagi neurotik berdasarkan kajian ini adalah pada tahap yang tidak terlalu kritikal atau rendah. Ini disebabkan oleh min neurotik kajian ini adalah sebanyak 36.8. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada subjek kajian berada pada tahap neurotik sederhana.

## Hasil Analisis Inferensi Melalui Pengujian Hipotesis

### 1. Tidak terdapat hubungan signifikan antara min gaya keibubapaan autoritarian dengan min neurotik remaja.

**Jadual 3** Korelasi antara gaya keibubapaan autoritarian dengan neurotik

Jumlah (N)	Nilai (r)	Nilai kebarangkalian (p)
118	-.094	.311

Jadual 3 menunjukkan korelasi antara gaya keibubapaan autoritarian dengan neurotik. Berdasarkan jadual tersebut N = 118. Nilai r = -.094 dan aras kebarangkalian pula adalah p = .311. Keputusan kajian mendapati nilai kebarangkalian p adalah lebih tinggi daripada nilai aras signifikan alpha ( $\alpha$ ) iaitu .311 > 0.05. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat korelasi signifikan antara gaya keibubapaan autoritarian dengan neurotik pada nilai r = .094, p > 0.05.

### 2. Tidak terdapat hubungan signifikan antara min gaya keibubapaan autoritatif dengan min neurotik remaja.

**Jadual 4** Korelasi antara gaya keibubapaan autoritatif dengan neurotik

Jumlah (N)	Nilai (r)	Nilai kebarangkalian (p)
118	-.022	.811

Jadual 4 menunjukkan korelasi antara gaya keibubapaan autoritatif dengan neurotik. Berdasarkan jadual tersebut N = 118. Nilai r = -.022 dan aras kebarangkalian pula adalah p = .811. Keputusan kajian mendapati nilai kebarangkalian p adalah lebih tinggi daripada nilai aras signifikan alpha ( $\alpha$ ) iaitu .811 > 0.05. Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat korelasi signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan neurotik pada nilai r = -.022, p > 0.05.

### 3. Tidak terdapat hubungan signifikan antara min gaya keibubapaan permisif dengan min neurotik remaja.

**Jadual 5** Korelasi antara gaya keibubapaan permisif dengan neurotik

Jumlah (N)	Nilai (r)	Nilai kebarangkalian (p)
118	-.172	.062

Jadual 5 menunjukkan korelasi antara gaya keibubapaan permisif dengan neurotik. Berdasarkan jadual tersebut  $N = 118$ . Nilai  $r = -.172$  dan aras kebarangkalian pula adalah  $p = .062$ . Keputusan kajian mendapati nilai kebarangkalian  $p$  adalah lebih tinggi daripada nilai aras signifikan alpha ( $\alpha$ ) iaitu  $.311 > 0.05$ . Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat korelasi signifikan antara gaya keibubapaan permisif dengan neurotik pada nilai  $r = -.172, p > 0.05$ .

#### 4. Tidak terdapat perbezaan signifikan min gaya keibubapaan autoritarian berdasarkan remaja.

**Jadual 6** Ujian- $t$  bagi perbezaan signifikan min gaya keibubapaan autoritarian berdasarkan gender.

Jantina	Min	Sisihan Piawai	dk (N-2)	Nilai $t$	Nilai Kebarangkalian $p$
Lelaki	28.13	6.18	116	.183	.855
Perempuan	27.91	6.89			

Jadual 6 menunjukkan perbezaan min gaya keibubapaan autoritarian berdasarkan jantina. Jadual tersebut menunjukkan min bagi gaya keibubapaan autoritarian remaja lelaki ialah 28.1356 dan gaya keibubapaan autoritarian pelajar perempuan ialah 27.9153. Perbezaan min bagi kedua-duanya adalah 0.2203. remaja ujian- $t$  dikatakan signifikan apabila nilai kebarangkalian  $p$  adalah lebih kurang daripada nilai alpha. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian  $p$  adalah .855 dan nilai aras signifikan alpha ialah 0.05. Oleh itu nilai kebarangkalian  $p$  didapati lebih tinggi daripada nilai aras signifikan alpha iaitu  $.855 > 0.05$ . Keputusan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan min gaya keibubapaan autoritarian berdasarkan gender pada nilai- $t$  (116) = .183,  $p > 0.05$ .

#### 5. Tidak terdapat perbezaan signifikan min gaya keibubapaan autoritatif berdasarkan gender.

**Jadual 7** Ujian- $t$  bagi perbezaan signifikan min gaya keibubapaan autoritatif berdasarkan gender.

Jantina	Min	Sisihan Piawai	dk (N-2)	Nilai $t$	Nilai Kebarangkalian $p$
Lelaki	38.89	5.72	116	-1.083	.301
Perempuan	39.94	5.25			

Jadual 7 menunjukkan perbezaan min gaya keibubapaan autoritatif berdasarkan jantina. Jadual tersebut menunjukkan min bagi gaya keibubapaan autoritatif remaja lelaki ialah 38.8983 dan gaya keibubapaan autoritatif remaja perempuan ialah 39.9492. Perbezaan min bagi kedua-duanya adalah 1.0509. Suatu ujian- $t$  dikatakan signifikan

apabila nilai kebarangkalian  $p$  adalah lebih kurang daripada nilai alpha. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian  $p$  adalah .301 dan nilai aras signifikan alpha ialah 0.05. Oleh itu nilai kebarangkalian  $p$  didapati lebih tinggi daripada nilai aras signifikan alpha iaitu  $.301 > 0.05$ . Keputusan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan min gaya keibubapaan autoritatif berdasarkan gender pada nilai- $t$  (116) = -1.038,  $p > 0.05$ .

## 6. Tidak terdapat perbezaan signifikan min gaya keibubapaan permisif berdasarkan gender.

**Jadual 8** Ujian- $t$  bagi perbezaan signifikan min gaya keibubapaan permisif berdasarkan gender.

Jantina	Min	Sisihan Piawai	dk (N-2)	Nilai $t$	Nilai Kebarangkalian $p$
Lelaki	18.81	5.10	116	.230	.819
Perempuan	18.59	5.31			

Jadual 8 menunjukkan perbezaan min gaya keibubapaan permisif berdasarkan jantina. Jadual tersebut menunjukkan min bagi gaya keibubapaan permisif remaja lelaki ialah 18.8136 dan gaya keibubapaan permisif remaja perempuan ialah 18.5932. Perbezaan min bagi kedua-duanya adalah 0.2204. Suatu ujian- $t$  dikatakan signifikan apabila nilai kebarangkalian  $p$  adalah lebih kurang daripada nilai alpha. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian  $p$  adalah .819 dan nilai aras signifikan alpha ialah 0.05. Oleh itu nilai kebarangkalian  $p$  didapati lebih tinggi daripada nilai aras signifikan alpha iaitu  $.819 > 0.05$ . Keputusan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan min gaya keibubapaan permisif berdasarkan gender pada nilai- $t$  (116) = .230,  $p > 0.05$ .

## 7. Tidak terdapat perbezaan signifikan min gaya neurotik berdasarkan gender

**Jadual 9** Ujian- $t$  bagi perbezaan signifikan min neurotik berdasarkan gender.

Jantina	Min	Sisihan Piawai	dk (N-2)	Nilai $t$	Nilai Kebarangkalian $p$
Lelaki	38.08	4.70	116	2.767	.007
Perempuan	35.61	5.00			

Jadual 9 menunjukkan perbezaan min neurotik berdasarkan jantina. Jadual tersebut menunjukkan min bagi neurotik remaja lelaki ialah 38.0847 dan neurotik remaja perempuan ialah 35.6102. Perbezaan min bagi kedua-duanya adalah 2.4745. Suatu ujian- $t$  dikatakan signifikan apabila nilai kebarangkalian  $p$  adalah lebih kurang daripada nilai alpha. Keputusan ujian menunjukkan nilai kebarangkalian  $p$  adalah .007 dan nilai aras signifikan alpha ialah 0.05. Oleh itu nilai kebarangkalian  $p$  didapati lebih rendah daripada nilai aras signifikan alpha iaitu  $.007 < 0.05$ . Keputusan kajian mendapati

terdapat perbezaan signifikan min neurotik berdasarkan gender pada nilai- $t$  (116) = .007,  $p > 0.05$ .

## PERBINCANGAN

Menurut Eysenck (1965), neurotik adalah emosi yang tidak stabil. Tahap neurotik remaja berada pada tahap sederhana menunjukkan mereka mampu mengimbangi emosi mereka dalam berhadapan dengan sesuatu situasi. Lily Mastura dan Ramlan (2006) dalam Hasida (2009) menerangkan bahawa gaya keibubapaan autoritatif memberi kanak-kanak kesedaran tentang perasaan, keupayaan, autonomi diri, komunikasi ibu bapa yang terbuka dan sokongan. Maksudnya di sini, pelajar sekolah menengah tersebut lebih mudah untuk mengawal emosi mereka kerana sikap ibu bapa yang positif dan demokratik. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada semua pelajar sekolah menengah kerana sampel kajian yang diambil oleh pengkaji mungkin berbeza faktor status sosial, sosioekonomi dan tempat menjalankan kajian.

Berdasarkan teori yang dipelopori Diane Baumrind (1966, 1971), dapat dirumuskan bahawa gaya keibubapaan autoritatif merupakan gaya keibubapaan yang terbaik dalam mendidik anak-anak. Ibu bapa autoritatif memberikan arahan dengan cara yang rasional dan sopan. Dalam masa yang sama, mereka bersedia bertolak ansur dengan anak-anak. Jika sikap keterbukaan telah diamalkan oleh ibu bapa autoritatif, maka kesan positif dapat dilihat dan tidak mengira jantina sama ada anak-anak lelaki atau perempuan.

Berdasarkan keputusan kajian-kajian yang diperolehi juga, dapat dijelaskan bahawa ada kalanya anak-anak yang berlainan gender dapat menerima gaya asuhan permisif. Baumrind (dalam Hale, 2008) ada menyatakan bahawa ibu bapa permisif tidak membentuk peraturan keluarga yang jelas dan tidak menerangkan antara tingkah laku yang baik dan sebaliknya. Jadi, tingkah laku anak-anak dibentuk berdasarkan cara pemikiran mereka. Jika mereka berfikir secara mendalam dan matang, maka sukar untuk mereka menerima ibu bapa yang bersikap permisif. Kebiasaannya, pemikiran yang matang ini lebih menjurus kepada anak-anak perempuan. Bagi anak-anak lelaki pula, adakalanya mereka selesa dengan ibu bapa yang permisif. Ini kerana mereka baru meningkat remaja dan ingin mengetahui semua perkara walaupun ada sebahagiannya tidak baik. Jadi, gaya keibubapaan permisif yang memberi kebebasan sepenuhnya sangat disukai. Walau bagaimanapun, tidak semua anak lelaki berfikir begitu dan sebaliknya juga bagi anak perempuan.

Kecenderungan neurotik menganggap faktor luaran yang bertanggungjawab di atas masalah yang dihadapi dikenali sebagai eksternalisasi (*externalization*) (Horney, 1945). Ia melibatkan projeksi iaitu kecenderungan meletakkan kelemahan diri ke atas orang lain. Di samping itu, mereka juga lebih mengambil serius pandangan orang lain

mengenai diri mereka daripada pandangan mereka sendiri. Kadang-kadang mereka fikir orang lain sedang marah kepada mereka walaupun sebenarnya mereka sedang marah dengan diri sendiri. Walaupun eksternalisasi diharap dapat memastikan *idealized self* tidak tergugat, ia didapati tidak begitu berkesan kerana neurotik suka bergantung pada faktor-faktor lain sebagai jalan penyelesaian. Kesimpulannya, sekiranya perasaan menyalahkan diri, rasa putus asa, konflik dalaman dan sebagainya tidak diselesaikan, anak-anak lelaki atau perempuan berpotensi mengalami neurotik yang boleh membawa kemudaratan.

## CADANGAN

Kajian ini telah mengenal pasti gaya keibubapaan dengan neurotik remaja. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan dengan neurotik remaja. Namun begitu, terdapat beberapa aspek yang perlu diberi penekanan dan dibuat kajian lanjutan. Penuli mencadangkan supaya pengkaji-pengkaji akan datang yang ingin mengkaji berkaitan dengan gaya keibubapaan dan neurotik ini dapat memilih responden atau sampel yang lebih besar supaya memperoleh hasil yang lebih baik.

Selain itu, penulis juga mencadangkan supaya kajian yang dijalankan lebih cenderung kepada pelajar yang terlibat dalam masalah disiplin, delinkuen mahupun remaja yang terlibat dengan kes juvana. Ini dapat meluaskan lagi skop pengetahuan masyarakat mengenai kesan gaya keibubapaan dengan neurotik yang berkemungkinan menyebabkan anak-anak terlibat dalam pelbagai masalah.

Selain itu, dicadangkan pengkaji-pengkaji akan datang untuk mengkaji gaya keibubapaan dengan neurotik berdasarkan bangsa dan etnik yang lain untuk memperoleh dapatan yang lebih bermanfaat. Antaranya mengikut tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India seterusnya membuat perbezaan antara ketiga-tiga kaum dengan gaya keibubapaan terhadap neurotik remaja. Di samping itu, pengkaji-pengkaji akan datang boleh mengkaji etnik-etnik lain yang terdapat di Malaysia seperti etnik di negeri Sabah dan Sarawak iaitu Iban, Bidayuh dan Melanau.

Kajian-kajian akan datang juga dicadangkan untuk mempelbagaikan lagi faktor demografi. Ini kerana penulis hanya membuat kajian berdasarkan jantina sahaja. Pengkaji-pengkaji akan datang boleh melihat gaya keibubapaan dengan neurotik remaja berdasarkan ibu bapa yang mempunyai tahap sosio-ekonomi dan tahap pelajaran yang berbeza. Di samping itu, aspek tempat iaitu bandar dan luar bandar serta pekerjaan ibu bapa remaja juga boleh dikaji.



## KESIMPULAN

Tidak semua ibu bapa atau penjaga mengetahui jenis-jenis gaya asuhan ibu bapa dalam mendidik anak-anak. Ibu bapa perlu sedar tentang batas antara ibu bapa dan anak di mana gaya asuhan yang digunakan juga terdapat batasan yang menjamin keberkesanan gaya asuhan tersebut. Ibu bapa perlu mengamalkan gaya asuhan yang bersesuaian dengan situasi untuk menjamin perkembangan anak-anak berlaku dengan baik. Kajian ini diharap dapat membuka mata semua pihak sama ada ibu bapa atau pihak sekolah bahawa setiap anak itu ada potensi untuk meletakkan diri mereka ke arah neurotik. Jadi, kerjasama semua pihak amat diperlukan dalam mencegahnya.

## BIBLIOGRAFI

- Azizi Yahaya, Yusof Boon, Shahrin Hashim (2008). *Personaliti Gaya Hidup Remaja*. Skudai: UTM.
- Azizi Yahya dan Jaafar Sidek Latif (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. Pahang: PTS Publications & Distributions Sdn Bhd.
- Azizi Yahya, Yusof Boon, & Kamaliah Nordin. (2005). *Hubungan antara Konsep Kendiri, Motivasi dan Gaya Keibubapaan dengan Pencapaian Pelajar*. Kajian yang tidak diterbitkan. Skudai: UTM.
- Azizi Yahaya & Gan Lui Nam (2010). *Peranan Ibu Bapa*. Kajian yang tidak diterbitkan. Skudai: UTM.
- Azlina Abu Bakar. (2002). *Psikologi Personaliti Individu*. Shah Alam: Karisma Production Sdn. Bhd.
- Baumrind, D. (1966). Effects of Authoritative Parental Control on Child Behavior. *Child Development*, 37, 887-907.
- Baumrind, D. (1971). Harmonious Parents and Their Preschool Children. *Developmental Psychology*, 4,1, 92-102.
- Baumrind, D. (1991). The Influence of Parenting Style on Adolescent Competence and Substance Use. *Journal of Early Adolescence*, 11(1), 56-95.
- Baumrind, D. & Black, A.E. (1967). Socialization Practices Associated With Dimensions of Competence In Preschool Boys and Girls. *Child Development*, 38, 291-327.
- Bazlan Mustafa (2011). Hubungan dan Pengaruh Sokongan Ibu Bapa, Personaliti dan Efikasi-Kendiri ke atas Kemurungan Pelajar Perubatan. Kajian yang tidak diterbitkan. Tanjong Malim: UPSI.
- Che Hasniza Che Noh (2006). Hubungan Keluarga dari Aspek Komunikasi dan Gaya Keibubapaan. Kajian yang tidak diterbitkan. Kuala Terengganu: KUSTEM.
- Coopersmith, S. (1967). *The Antecedent of Self-Esteem*. USA: Consulting Psychologists Press.
- Dra. Ny. Y. Singgah D. Gunars & Dr. Singgih D. Gunasa. (1982). *Psikologi untuk Keluarga*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Duane, P.S. & Ellen, S. (2009). *Theories of Personality*. USA: Wadsworth.
- Faziha Diana (2009). *Hubungan antara Kefungsian Keluarga dan Tahap Neurotik Pelajar Sekolah*. Kajian yang tidak diterbitkan. Tanjong Malim: UPSI.
- Hale, R. (2008). *Baumrind's Parenting Styles and Their Relationship to the Parent Developmental Theory*. USA: Pace University.
- Hasida (2009). *Gaya Keibubapaan dan Kemurungan Kanak-kanak di Tiga buah Sekolah di Perak*. Kajian yang tidak diterbitkan. Tanjong Malim: UPSI.
- Habibah Elias & Noran Fauziah. (1997) *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Azwa (2009). *Gaya Asuhan Ibu Bapa terhadap Masalah Delinkuen*. Kajian yang tidak diterbitkan. Tanjong Malim: UPSI.
- Nor Husna. (2009). *Gaya Asuhan Ibu Bapa dan Tahap Kemurungan dalam Kalangan Pelajar Berisiko Tinggi di Daerah Kuala Terengganu*. Kajian yang tidak diterbitkan. Tanjong Malim: UPSI.
- Nur Hani (2009). *Hubungan antara Tret–Tret Personaliti dengan Kebimbangan Sosial dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Satu*. Kajian yang tidak diterbitkan. Tanjong Malim: UPSI.
- Rohaty Mohd. Majzub. (1998). *Memahami jiwa Dan Minda Remaja*. Selangor. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Wan Zakiah. (2009). *Pengaruh Gaya Layanan Keibubapaan dengan Pemilihan Kerjaya di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat di Salah Sebuah Sekolah di Daerah Pendang, Kedah*. Kajian yang tidak diterbitkan. Tanjong Malim: UPSI.
- Rujukan internet:  
<http://www.medilexicon.com/medicaldictionary.php>. Diperolehi pada 27 Februari 2013.